



**RINGKASAN MAKLUMAT
PROGRAM BAIK PULIH RUMAH DI BANDAR**

PERKARA	PENERANGAN
Kriteria Kelayakan	<ol style="list-style-type: none">1. KIR/AIR yang menetap di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (kawasan bandar);2. Disahkan status kemiskinan dalam sistem eKasih sama ada miskin tegar/miskin/terkeluar (kumpulan B40 sahaja);3. Bagi yang tidak berdaftar dalam eKasih, KIR/AIR hendaklah disahkan dalam Mesyuarat <i>Focus Group</i> Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah dan satu salinan minit mesyuarat perlu dikemukakan semasa permohonan;4. Sebarang kelulusan bagi program ini perlu diperaku oleh Jawatankuasa Perumahan di peringkat Kementerian terlebih dahulu sebelum dimaklumkan kepada pihak PBT;5. Kerosakan rumah disebabkan faktor usia atau bencana tetapi masih ekonomik untuk dibaiki berdasarkan kadar bantuan yang ditetapkan oleh Kementerian; dan6. Pembaikan melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, atap, siling, tangga, dapur, tandas, bilik air, pintu, dinding, lantai simen/kayu, tingkap, perpaipan, perparitan (perimeter drain/ saluran keluar), pembentungan/ kumbahan dan pendawaian elektrik serta tidak melibatkan struktur asas rumah.
Jenis Rumah	Rumah sesebuah/ rumah berkembar/ teres (<i>landed property</i> sahaja).
Permohonan yang TIDAK LAYAK dipertimbangkan	<ol style="list-style-type: none">1. Pembesaran dan pengubahsuaian bahagian dalam atau luar rumah sedia ada;2. KIR/AIR mendiami rumah setingan;3. KIR/AIR mendiami rumah sewa;4. KIR/AIR telah menerima bantuan bina baru/ baik pulih rumah sama ada dari KPKT atau mana-mana Agensi Kerajaan lain kecuali yang terlibat dengan musibah; dan5. Permohonan tidak disertakan dokumen sokongan yang lengkap.
Jumlah Permohonan	Pegawai penyelaras PPKB di PBT dimohon untuk mendapatkan pengesahan daripada Unit Penyelaras Projek di Jabatan masing-masing sebelum mengemukakan permohonan ke KPKT bagi mengelakkan kos pembinaan yang melebihi kadar bantuan dan jumlah permohonan melebihi keupayaan pelaksanaan oleh Jabatan.

PERKARA	PENERANGAN
Kaedah Permohonan	<p>1. Melengkapkan Borang PPKB BP mengikut kriteria yang ditetapkan dan disertakan dokumen sokongan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Salinan Kad Pengenalan KIR/AIRb) Gambar penuh rumah dengan jelas (dari luar); danc) Gambar kerosakan dengan jelas (sila nyatakan jenis kerosakan) <p>2. Mengemukakan dokumen lengkap permohonan kepada alamat berikut:</p> <p style="text-align: center;">Setiausaha Bahagian Bahagian Kesejahteraan Komuniti Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Aras 15, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Tel: 03 – 8891 5051 Faks: 03 – 8891 5547</p>